

# BH ONLINE

RABU, 6 APRIL 2016 @ 10:01 AM

## IJM Corporation lahir tenaga kerja profesional pembinaan

Oleh Kamarulzaidi Kamis dan Ahmad Fiesal Othman

bhbiz@bh.com.my



PETALING JAYA: IJM Corporation Bhd bukan sahaja mencatatkan prestas mengagumkan dalam sektor pembinaan, tetapi turut melahirkan ramai tenaga kerja profesional yang berkebolehan dalam sektor terbabit di negara ini.

Reputasi kukuh IJM sering menjadikannya antara rujukan utama oleh syarikat besar termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau syarikat milik Khazanah Nasional Bhd apabila ingin mengambil kakitangan, terutama bagi menjayakan Agenda Bumiputra.

"Jika mereka ingin mencari kakitangan untuk sektor pembinaan, mereka akan cari di syarikat seperti IJM atau Gamuda Bhd.

"Maka, kami jadi seperti pusat latihan untuk melahirkan tenaga profesional pengurusan," kata Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Soam Heng Choon dalam temubual ekslusif bersama wartawan akhbar Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) di sini, baru-baru ini.

IJM adalah hasil gabungan tiga syarikat pembinaan tempatan pada tahun 1983 iaitu IGB Construction Sdn Bhd, Jurutama Sdn Bhd dan Mudajaya Sdn Bhd, yang mana sejak itu berkembang secara organik serta menerusi penggabungan dan pengambilalihan (M&A).

Pada April 2007, IJM mengambil alih Road Builder Group untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai satu daripada syarikat pembinaan terbesar di negara ini, selain mengukuhkan portfolio kontrak pembinaan, simpanan tanah, projek harta tanah dan infrastruktur.

Langkah berkenaan membolehkan kumpulan itu mencapai faedah sinergi yang besar, memperoleh kontrak lebih besar dan memudahkan pengembangannya ke pasaran luar negara.

IJM kini terbabit dalam lima perniagaan teras iaitu pembinaan, harta tanah, industri, perladangan dan infrastruktur. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah pemegang saham tunggal terbesarnya dengan pegangan 11.85 peratus.

Diminta mengulas tanggapan bahawa IJM adalah syarikat yang cenderung mengutamakan bangsa Cina, Heng Choon berkata perkara itu tidak benar kerana kumpulan sentiasa memberi layanan sama rata kepada semua kakitangan dengan mengutamakan prestasi dan keupayaan sebagai kayu pengukur.

"Sebenarnya tidak...pengerusi kami ialah bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim, yang juga bekas Pengerusi Eksekutif KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) suatu ketika. Malah, beberapa ketua bahagian kami berbangsa Melayu.

"Tidak kira apa bangsa, di IJM jika anda menunjukkan prestasi yang baik, anda akan diberi pengiktirafan sewajarnya," katanya menegaskan IJM adalah syarikat yang dikendalikan secara profesional dan mengiktiraf kebolehan serta bakat kakitangan secara adil.